

# **GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL BAGI JURNAL TEKNOKRAT II 2018**

JABATAN PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PROFESIONALISME KEGURUAN  
IPG KAMPUS PENDIDIKAN TEKNIK

## SYARAT-SYARAT DAN GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL

### 1.0 OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan tatacara penulisan artikel kepada penulis yang ingin menyumbangkan artikel untuk dimuatkan dalam Jurnal Teknokrat II 2018.

### 2.0 PENGENALAN

- i. Artikel yang ditulis adalah berdasarkan hasil kerja penyelidikan dan pembangunan profesionalisme keguruan dalam bidang pendidikan. Kandungan artikel hendaklah dalam bentuk berikut:
  - a) hasil kerja penyelidikan;
  - b) penemuan, kaedah atau aplikasi baru;

### 3.0 SYARAT PENERIMAAN

- i. Artikel yang ditulis hendaklah merupakan **karya asli** penulis dan belum pernah diterbitkan dalam apa jua penerbitan jurnal, prosiding atau seumpamanya di dalam negara mahupun luar negara.
- ii. Artikel perlu dihantar dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*) dan bercetak (*hardcopy*) dalam format *Microsoft Word* seperti yang telah digariskan dalam templat. Artikel yang tidak mematuhi format penulisan boleh **ditolak tanpa diberi notis**.

### 4.0 FORMAT PENULISAN

- i. Artikel boleh ditulis sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
- ii. Artikel hendaklah ditulis mengikut template yang diberi (lihat pada *link* di laman web IPGK Pendidikan Teknik)
- iii. Panjang artikel hendaklah di antara 3000-5000 patah perkataan mengikut format berdasarkan sistem penulisan APA (*American Psychological Association*) edisi terkini.

#### 4.1 PENYEDIAAN ABSTRAK

Abstrak adalah merupakan sinopsis artikel yang padat dan ringkas dan merangkumi aspek-aspek permasalahan, objektif, kaedah dan dapatan serta kesimpulan. Abstrak tidak melebihi 120 patah perkataan.

#### 4.2 KATA KUNCI

Penulis perlu memberikan tiga hingga lima kata kunci dan diletakkan di bawah abstrak. Ia bertujuan untuk memudahkan pencarian maklumat. Tajuk kata kunci perlu ditulis menggunakan format *normal* dan *bold*.

#### 4.3 KANDUNGAN

- i. Manuskrip mesti mengandungi bahagian-bahagian berikut iaitu Pengenalan, Pernyataan Masalah, Tujuan Kajian, Soalan Kajian, Tinjauan Literatur, Kaedah/Metodologi, Dapatan Kajian, Perbincangan dan Rumusan/Kesimpulan.
- ii. Setiap jadual dan gambar rajah perlu dirujuk terlebih dahulu sebelum dipersembahkan dan diikuti dengan keterangan berkaitan jadual dan gambar rajah tersebut. Jadual dan gambar rajah hendaklah lengkap, ringkas dan jelas serta diberikan tajuk yang bersesuaian.
- iii. Jadual atau gambar rajah ini juga hendaklah dinomborkan secara teratur seperti Jadual 1, Jadual 2 dan seterusnya atau Rajah 1, Rajah 2 dan seterusnya. Tajuk jadual perlu diletakkan di bahagian atas jadual, manakala tajuk rajah pula perlu diletakkan di bahagian bawah rajah.

#### 4.4 RUJUKAN

Semua rujukan yang disebut dalam teks mestilah disenaraikan. Senarai rujukan tidak boleh mengandungi sumber-sumber yang tidak dirujuk dalam artikel. Senarai rujukan yang lengkap hendaklah menggunakan sistem penulis – tahun (*author - date*) mengikut abjad. Gaya penulisan rujukan adalah mengikut **APA Citation Style 6th edition**.

#### 5.0 PENYERAHAN ARTIKEL

Artikel (*hardcopy*) hendaklah dihantar selewat-lewatnya **pada/sebelum 31 Ogos 2018** mengikut **format** yang dinyatakan di bahagian 4.0 dan email (*softcopy*) ke alamat berikut: [teknokrat2018@gmail.com](mailto:teknokrat2018@gmail.com)